



**KENYATAAN MEDIA**  
**BERIKUTAN SITUASI COVID-19**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**15 Syawal 1441 / 7 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 15 Syawal 1441H bersamaan 7 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan agar beliau cepat sembuh dan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesihatan seperti sedia kala. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **502 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **21,659 ujian**. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan statistik pemantaun yang dijalankan pada minggu ke tiga de-escalation iaitu pada 1 hingga 5 June 2020 adalah seperti berikut:

- a. Saringan pekerja warga asing sebanyak 426 sampel;
- b. Saringan komuniti (Community surveillance) sebanyak 489 sampel; dan
- c. Saringan tambahan (Expanded Surveillance) seperti petugas-petugas *frontliner* dan petugas-petugas di pusat penjagaan kanak-kanak, *preschools* dan pusat penjagaan warga emas iaitu sebanyak 481 sampel.

4. Berikut adalah maklumat mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah **281,969 orang ramai** telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Manakala, sejumlah **6,034 syarikat dan premis** telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Syawal 1441H / 7 Jun 2020